



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



## LAPORAN INOVASI PITEX SESI JUN2020

### UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

**TAJUK PROJEK: ANTI THEFT SAFEBOX**

**JABATAN: JABATAN KEJURUTERAAN AWAM**

<b>NAMA PELAJAR &amp; NO MATRIK</b>	SITI AISYAH BINTI MAHARUD-DIN (08DPB18F1108) MUHAMMAD ALIF AIMAN BIN HARON (08DPB18F1113) MUHAMMAD DZARIF FIQRI BIN NOR AZUAN (08DPB18F1132)
<b>NAMA PENYELIA</b>	PUAN ROZIMAH BINTI TAHIR

## **A. Tajuk Inovasi**

Anti Theft Safebox

## **B. Pernyataan dan Punca Masalah**

- Terdapat banyak kes kecurian yang berlaku pada tabung masjid.
- Faktor keselamatan yang lemah.
- Tabung masjid yang sedia ada sekarang tidak mempunyai pengawasan yang ketat terutamanya pada waktu malam.

## **C. Penyelidikan**

Satu kajian telah dibangunkan iaitu inovasi terhadap tabung masjid bagi meningkatkan kualiti keselamatan terhadap ancaman kes kecurian wang dan juga memenuhi keperluan Projek Tahun Akhir, Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan. Kajian ini dibuat bertujuan untuk membaikpulih sistem keselamatan pada tabung masjid supaya Ahli Jawatankuasa Masjid dapat mengelakkan kes kecurian daripada berlaku. Tinjauan dan soal selidik telah dibuat bagi mengumpul maklumat mengenai masalah-masalah dan cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk projek akhir kami.

## **D. Cadangan Penyelesaian**

- i. Setelah membuat tinjauan dan soal selidik di beberapa buah masjid, kami mendapat idea untuk mencipta tabung masjid yang mempunyai sistem keselamatan yang kukuh.

- ii. Untuk mengelakkan daripada berlakunya kes kecurian tabung masjid dengan mencipta satu alat yang boleh menyumbang kepada masyarakat serta menambahkan amalan untuk bekalan di dunia dan akhirat.
- iii. Untuk memudahkan Ahli Jawatankuasa(AJK) masjid mendapat makluman mengenai kes kecurian.
- iv. Untuk menakutkan pencuri untuk mencuri wang daripada tabung masjid apabila mendengar bunyi penggera.
- v. Mempunyai sistem penggera,dilengkapi sistem Arduino dan Global System for Communication(GSM).

#### **E. Faedah dan Kebaikan Kepada Masyarakat**

- i. Memudahkan Ahli Jawatankuasa Masjid(AJK) membuat pemantauan terhadap tabung masjid terutamanya pada waktu malam.
- ii. Mengurangkan risiko kecurian wang di dalam tabung masjid.
- iii. Memudahkan masyarakat untuk membuat pengasingan wang kertas dan duit syiling ketika menderma serta memudahkan urusan Ahli Jawatankuasa(AJK) masjid untuk mengira wang dermaan.

#### **F. Kaedah Penggunaan**

- i. Pastikan anda memasukkan wang di tempat yang disediakan.
- ii. Pastikan anda tidak menghentak tabung tersebut.
- iii. Dilarang untuk cuba membuka pintu tabung kerana penggera akan berbunyi.
- iv. Asingkan duit syiling dan duit kertas.
- v. Untuk membuka tabung, ahli yang bertanggungjawab hendaklah menghantar mesej/isyarat kepada tabung tersebut.

- vi. Apabila mesej/isyarat dihantar, alarm pada tabung itu akan terpadam dan pintu tabung akan dibuka tanpa menghasilkan bunyi penngera.

#### **G. Kesimpulan**

Kesimpulannya, produk ini dapat membatalkan niat pencuri untuk mencuri tabung masjid dan memberi peringatan kepada Ahli Jawatankuasa Masjid bahawa terdapat perubahan pada keadaan tabung masjid terutamanya sewaktu ketiadaan mereka di masjid. Selain itu, cadangan tindakan proaktif perlulah diambil oleh Ahli Jawatankuasa Masjid itu sendiri bagi membendung kes kecurian daripada berlaku.

## H. Lampiran



